

Pemberian vaksin secara berfasa, perlu lebih bersabar



AINI MAWAWI

BERDASARKAN laman sesawang vaksinovid.gov.my, Putrajaya mencatatkan kadar pendaftaran penduduk 100 peratus bagi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Secara tidak langsung ia menunjukkan kesedaran penduduk yang tinggi untuk melindungi diri daripada virus COVID-19.

Malah peningkatan pendaftaran yang jelas antara itu juga turut menggambarkan tahap kebimbangan masyarakat terhadap virus ini.

Rata-ratanya tidak sabar untuk mendapatkan vaksin sehingga ada segelintir daripadanya melahirkan rasa tidak puas hati kerana masih belum menerima tarikh suntikan sedangkan mereka sudah lama mendaftar.

Menjawab persoalan tersebut, Ketua Pusat Pemberian Vaksin, Dewan Seri Seroja Persint 15, Putrajaya, **Dr Ahmad Ridzuan Mohd Arif** berkata, orang ramai perlu lebih bersabar kerana pemberian vaksin adalah secara berfasa.

"Bagi fasa pertama ia bermula selepas program pelancaran imunisasi pada Februari lalu yang mana ketika itu Perdana Menteri dan Ketua Pengarah Kesihatan telah divaksin dan sejurus selepas itu ia diteruskan pula kepada petugas barisan hadapan.

"Kemudian kita fokus untuk



AHMAD RIDZUAN (kanan) bersama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Khairy Jamaluddin).

fasa kedua yang mengutamakan golongan berumur 60 tahun ke atas serta orang kurang upaya (OKU) dan mereka yang mempunyai sejarah penyakit kronik. Di samping itu, ia diteruskan dengan memvaksin petugas barisan hadapan yang tidak dapat disuntik ketika fasa pertama dahulu," ujar beliau kepada Wilayahku.

Sementara itu, tambah beliau lagi, bagi fasa ketiga pula, ia melibatkan mereka yang berumur

18 tahun dan ke atas.

"Kita faham golongan yang ramai mendaftar tersebut berumur 18 tahun ke atas tetapi adakah mereka termasuk dalam kategori fasa kedua. Kalau bukan, bermaksud mereka kena tunggu giliran pada fasa ketiga yang dijangkakan pada Jun. Apa pun kita tunggu dulu pengumuman oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)," ujar beliau.

Jelas beliau, memandangkan Putrajaya mempunyai peratusan

tertinggi pendaftaran vaksin, maka wilayah itu berjaya mencatat lebih 40 peratus pemvaksinan sekali gus berkemungkinan besar mampu mencapai sasaran 100 peratus komuniti divaksin lebih awal.

"Mungkin paling awal pada Ogos jika kita hanya fokus kepada komuniti Putrajaya namun disebabkan kita juga terlibat untuk memvaksin petugas barisan hadapan daripada badan beruniform maka dijangkakan Oktober boleh selesai," kata beliau.

Walau bagaimanapun kata beliau lagi, ia juga bergantung kepada bekalan vaksin.

Ujarnya, jika ia tiba dalam jumlah yang lebih maka pihaknya akan mempertingkatkan kapasiti bergantung situasi pada masa tersebut.

"Kita bermula pada April dengan kapasiti berjumlah 300 sehari kemudian naik kepada 600 dan ditetapkan ke 1,200 sehari. Namun sehingga ke hari ini, ada waktunya kita menerima sehingga 1,600 kapasiti dalam sehari," ujar beliau.

Ditanya tentang penambahbaikan yang bakal dilakukan, menurut beliau, setakat ini semuanya berjalan dengan lancar seperti yang dirancang.



KOMUNITI Putrajaya sedang mendapatkan suntikan.

"Alhamdulillah cuma yang beratur panjang itu berlaku di mana-mana Pusat Pemberian Vaksin tetapi apabila sudah masuk ke dalam untuk sesi pendaftaran dan seterusnya proses tersebut akan berjalan dengan lancar," kata beliau lagi yang turut berterima kasih kepada Perbadanan Putrajaya (PPJ) kerana menyediakan kemudahan logistik dan prasarana.

Terdahulu, proses di Pusat Pemberian Vaksin melibatkan lima stesen iaitu stesen saringan gejala dan suhu, diikuti pendaftaran mengesahkan kehadiran untuk suntikan, stesen ketiga proses konsultasi dan persetujuan imunisasi, diikuti stesen keempat menerima suntikan vaksin COVID-19 dan yang terakhir adalah stesen pemerhatian.